



PEJABAT KETUA PENDAFTAR
Office of the Chief Registrar
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
Federal Court of Malaysia
ISTANA KEHAKIMAN
PRESINT 3
62506 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8880 3500

Faks : 03-8880 388

Laman Web : <http://www.kehakiman.gov.my>

Ruj. Tuan :
Your Ref :
Ruj. Kami :
Our Ref : JK/MP116(53)/60
Tarikh :
Date : 3 Disember 2013

Pesuruhjaya Sumpah
Seluruh Malaysia

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**MÄKLUMAN MENGENAI PENGGUNAAN BORANG AKUAN JPJSAB01 / JPJSAB02
DALAM URUSAN PERTUKARAN MILIKAN KENDERAAN BERMOTOR**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sila ambil maklum bahawa mulai 1 November 2013, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah menggunakan Sistem Pengkomputeran MySIKAP bagi tujuan memproses urusan pertukaran milikan kenderaan. Di bawah peraturan MySIKAP, borang akuan JPJSAB01 dan JPJSAB02 tidak akan digunakan lagi tetapi Pemunya Berdaftar dan Pemunya Baru perlu hadir ke kaunter JPJ untuk pengesahan biometrik semasa urusan tukar milik dibuat. Selain daripada perkhidmatan di kaunter, transaksi pertukaran milikan kenderaan juga boleh dilakukan secara atas talian (*online*) bermula 1 Januari 2014.

3. Sehubungan dengan itu, pihak JPJ telah membuat ketetapan bahawa Borang Akuan JPJSAB01 dan JPJSAB02 yang dikendalikan oleh Majistret/Pesuruhjaya Sumpah hanya boleh digunakan sehingga 31 Mac 2014. Selepas daripada tarikh tersebut, Borang Akuan JPJSAB01 dan JPJSAB02 tidak akan lagi digunakan bagi urusan pertukaran milikan kenderaan bermotor. Sesalinan surat pemakluman daripada Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan Malaysia bertarikh 25 November 2013 berhubung peraturan tersebut dilampirkan bersama.

4. Justeru itu, YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuanku / Puan adalah diminta untuk mematuhi peraturan tersebut dan tidak mengendalikan mana-mana barang akuan JPJSAB01 dan JPJSAB02 selepas daripada tarikh 31 Mac 2014.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(AZIMAH BINTI OMAR)
Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

s.k.

Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan Malaysia
Jabatan Pengangkutan Jalan
Parcel D, Blok D4, Aras 1-5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62620 Putrajaya

BORANG AKUAN

Saya.....

(nama huruf besar)

No. kad pengenalan / paspot.....beralamat di :

.....
.....
.....
Poskod

Bandar

Negeri

dengan sesungguhnya dan dengan suci hati mengaku dan berikrar bahawa:

- (i) saya dengan ini mengesahkan bahawa saya adalah pemilik berdaftar bagi kenderaan bernombor pendaftaran dan mengaku bahawa kenderaan ini sentiasa berada di dalam pemilikan saya sehingga akuan ini dilakukan;
- (ii) saya bukanlah seorang yang diisyiharkan muflis;
- (iii) saya mengakui bahawa saya berhasrat untuk menjual kenderaan ini kepada mana-mana pihak yang bersetuju membeli kenderaan ini; dan
- (iv) saya bersetuju untuk mematuhi segala kepada peruntukan Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya,

dan saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa akuan ini benar, serta menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan sesungguhnya
diakui oleh yang tersebut namanya di atas


.....
.....
di
di Negeri
pada haribulan..... 20.....

Di hadapan saya

.....
(Tandatangan Hakim Mahkamah Sesyen,
Majistret atau Pesuruhjaya Sumpah)



&
(Tandatangan Penjual)



BORANG AKUAN

Saya.....

(nama huruf besar)

No. kad pengenalan / paspot.....beralamat di :

.....

.....

Poskod

Bandar

Negeri

dengan sesungguhnya dan dengan suci hati mengaku dan berikrar bahawa:

- (i) saya dengan ini mengesahkan bahawa saya berhasrat untuk membeli kenderaan bermotor pendaftaran
- (ii) saya bukanlah seorang yang diisyiharkan muflis;
- (iii) saya bersetuju untuk mematuhi segala kepada peruntukan Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan apa-apa peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya,

dan saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa akuan ini benar, serta menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan sesungguhnya
diakui oleh yang tersebut namanya di atas

.....
.....
di
di Negeri
pada haribulan..... 20.....

Di hadapan saya

.....
(Tandatangan Hakim Mahkamah Sesyen,
Majistret atau Pesuruhjaya Sumpah)



&
(Tandatangan Pembeli)

